

9 HARI 7 MALAM JOURNEY THROUGH YUNNAN

KUNMING, DALI, LIJIANG, SHANGRI-LA & DONGCHUAN REDLAND HIGHLIGHTS TOUR – TERMASUK DONGLIANHUA HISTORICAL MUSLIM VILLAGE & DALI ANCIENT TOWN MOSQUE! (ALL IN FULLBOARD HALAL)

INCLUSIVE: 2X HIGH SPEED TRAIN & TANPA KEDAI WAJIB!

Tarikh	Musim	HARGA SEORANG					Saiz kumpulan
		SPECIAL! EARLY BIRD (Berdua/Bertiga)	Berdua / Bertiga	Single SUPP	Kanak-kanak dengan katil	Kanak-kanak tanpa katil	
2026							
20 Aug – 28 Aug	Summer	RM5,890	RM6,090	RM800	RM5,790	RM5,590	15 - 25
12 Sep – 20 Sep	Autumn	RM5,890	RM6,090	RM800	RM5,790	RM5,590	
14 Okt – 22 Okt	Autumn	RM5,890	RM6,090	RM800	RM5,790	RM5,590	
18 Nov – 26 Nov	Autumn	RM5,890	RM6,090	RM800	RM5,790	RM5,590	
16 Dis – 24 Dis	Winter	RM5,890	RM6,090	RM800	RM5,790	RM5,590	
2027							
06 Jan – 14 Jan	Winter	RM5,890	RM6,090	RM800	RM5,790	RM5,590	15 - 25
23 Mar – 31 Mar	Spring	RM5,890	RM6,090	RM800	RM5,790	RM5,590	
15 Apr – 23 Apr	Spring	RM5,890	RM6,090	RM800	RM5,790	RM5,590	
04 Mei – 12 Mei	Spring	RM5,890	RM6,090	RM800	RM5,790	RM5,590	
PROMOSI EARLY BIRD TERHAD KEPADA 10 PENDAFTAR TERAWAL!							
Surcaj RM500 jika saiz kumpulan 10 hingga 14 pax							
EXTRA DISCOUNT		SENIOR CITIZEN – RM100 / PAX (58 TAHUN KE ATAS)		INSTANT CASHBACK REWARDS – RM50 / PAX		LOYALTY DISCOUNT – RM100 / PAX	

Pakej termasuk:

- Tiket penerbangan KUL - KMG - KUL dengan 20 kg bagasi
- Penginapan 7x malam di hotel bertaraf tourist class
- Pengangkutan bas private yang selesa
- Kereta Api Laju sehala dari Kunming ke Dali / Weishan
- Kereta Api Laju sehala dari Shangri-La ke Kunming
- 3x shuttle menaiki buggy
- Makan Halal 3x sehari seperti dalam aturcara
- Tiket masuk untuk semua lawatan seperti dalam aturcara
- Diringi oleh Tour Manager yang berpengalaman
- Perkhidmatan Tour Guide Tempatan
- Tips untuk Tour Guide dan pemandu tempatan

Tidak termasuk:

- Insurans perjalanan RM89 seorang (Etiqa Takaful Insurance / Pelan Platinum – umur 70 tahun ke atas tertakluk kepada surcaj)
- Lawatan dan makan selain dari dalam itinerari.
- Perkara lain yang tidak termasuk dalam itinerari

***Nota: Kadar tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal sekiranya berlaku pengurangan bilangan peserta, turun naik mata wang serta sebarang surcaj bahan api yang dikenakan oleh syarikat penerbangan.**

BUTIRAN PENERBANGAN:


**OD670 KUL KMG 2150 0135
OD671 KMG KUL 0235 0635**

BUTIRAN PENERBANGAN:

**AK103 KUL KMG 2130 0125
AK104 KMG KUL 0230 0625**

DEPOSIT: RM1,000/Seorang

**HUBUNGI: OFFICE / AISHAH / ZAWATI
0390572324 / 0173496008 / 0192277253**



HARI 1: BERTOLAK DARI KUALA LUMPUR - KUNMING

Berkumpul di KLIA 4 jam sebelum bertolak ke **Kunming**. Kemudian bertolak ke **Kunming**.

HARI 2: KUNMING – DONGLIANHUA – WEISHAN - DALI (SP/MT/MM)

Tiba di **Kunming**. Terus daftar masuk hotel dan berehat.

Selepas sarapan pagi, perjalanan diteruskan dengan menaiki kereta api laju dari **Kunming** ke **Weishan**. Kereta api laju selama 2.5 jam ini membawa anda melalui kawasan luar bandar yang menawarkan panorama kehijauan sebelum tiba di **Weishan**.

Seterusnya, perjalanan diteruskan ke **Kampung Donglianhua**, sebuah perkampungan tradisional terkenal dengan sejarah serta etnik **Hui Muslim** yang menetap di sana. Asal usul penduduk di sini adalah pedagang kuda di Laluan Teh dan Kuda. (Laluan Sutera Selatan). Mereka adalah bukti hidup, perdagangan teh, perak dan kuda antara China dan Tibet. Solat jamak akan dilakukan di **Masjid Donglianhua**, sebuah masjid indah dengan seni bina tradisional.

Usai solat, perjalanan diteruskan ke **Kota Lama Weishan**, pintu masuk Laluan Teh-Kuda. Untuk lawatan khidmat buggy disediakan (tidak termasuk kos).

Bertolak ke **Dali**, bandar bersejarah terkenal dengan **Tasik Erhai**, tasik air tawar dengan latar belakang gunung. Sampai di kota lama ini, singgah di **Masjid South Gate** yang terletak berhampiran Pintu Selatan Bandar Lama Dali. Masjid tertua ini berfungsi sebagai pusat komuniti Muslim di Dali. Masa santai di **Foreign Street** untuk membeli cenderamata.

Akhir sekali, bertolak ke hotel untuk bermalam di **Dali**. Makan malam yang disediakan.



Kampung Donglianhua



Weishan Town



Foreign Street, Dali

HARI 3: DALI – LIJIANG (SP/MT/MM)

Sarapan pagi di hotel. Selepas sarapan, perjalanan dimulakan ke **S Bay of Erhai Lake**, sebuah kawasan yang menawarkan pemandangan tasik air tawar dengan latar belakang pergunungan yang indah.

Perjalanan diteruskan menuju ke **Lijiang**. Setibanya di **Lijiang**, lawatan dimulakan ke **Lijiang Old Town**, sebuah bandar purba yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Masa santai di **Square Street**, jalan utama yang dipenuhi dengan kedai-kedai tempatan dan pasar kecil yang menjual pelbagai barangan kraf tangan dan cenderamata.

Seterusnya, lawatan ke **Black Dragon Pool**, sebuah taman yang terkenal dengan kolam air jernih dan pemandangan **Gunung Jade Dragon**. Tempat ini menawarkan peluang untuk bergambar sambil menikmati ketenangan alam semula jadi.

Setelah selesai melawat, nikmati makan malam di restoran tempatan sebelum daftar masuk ke hotel untuk bermalam di **Lijiang**.



S Bay of Erhai Lake



Lijiang Old Town



Black Dragon Pool

HARI 4: JADE MOUNTAIN TOUR – LIJIANG (SP/MT/MM)

Sarapan pagi di hotel. Lawatan **Jade Mountain** bermula dengan perjalanan menuju ke **Gunung Jade Dragon**, yang mempunyai ketinggian 5,596-meter dan salah satu tarikan semula jadi paling terkenal di **Lijiang**. Dalam perjalanan, anda akan singgah di **Glacier Park scenic area**, kawasan indah yang menawarkan pemandangan glasier yang menakjubkan, sebelum menaiki kereta kabel sambil menikmati pemandangan.

Lawatan diteruskan ke **Ganhaizi**, sebuah padang rumput luas dengan pemandangan gunung. Selepas menikmati keindahan alam, anda akan menonton **Zhang Yimou Impression Lijiang Show**, satu persembahan budaya yang mengagumkan dengan latar belakang **Gunung Jade Dragon**, menampilkan tarian dan muzik tradisional yang menggambarkan budaya tempatan.

Setelah menonton persembahan, lawatan ke **Sungai Baishui** dan **Blue Moon Valley**, di mana anda boleh menikmati keindahan sungai yang jernih berwarna biru kehijauan. Perjalanan di **Blue Moon Valley** juga termasuk penggunaan buggy shuttle.


Makan tengah hari disediakan bungkus (Pack Lunch) dan makan malam akan dinikmati di restoran tempatan sebelum kembali ke hotel. Bermalam di **Lijiang**.



Gunung Jade Dragon



Glacier Park scenic area



Zhang Yimou Impression Lijiang

HARI 5: LIJIANG - SHANGRI LA (SP/MT/MM)

Sarapan pagi kemudian daftar keluar hotel. Lawatan diteruskan dengan perjalanan ke **Shangri-La**, dengan singgah di beberapa destinasi menarik sepanjang perjalanan. Pertama sekali, anda akan berhenti bergambar di **First Bay of Yangtze River** yang merupakan sungai terpanjang di China.

Seterusnya, melawat **Tiger Leaping Gorge** (bergantung kepada cuaca) (tidak termasuk escalator), salah satu ngarai terdalam dan paling menakjubkan di dunia. Dengan pemandangan air deras dan gunung-ganang yang menjulang tinggi, tempat ini menjadi tumpuan pelancong untuk merasai keindahan alam semulajadi.

Lawatan ke **Napa Grassland**, di mana anda boleh menikmati pemandangan indah dari **Sky Gate Observation Deck**, yang menawarkan sudut pandang yang menakjubkan.

Perjalanan diteruskan ke **Shangri-La**, di mana anda akan melawat **Dukezong Ancient City**, sebuah bandar purba yang terletak di **Guishan Park**. Lawatan termasuk ke **Turtle Mountain Park**, tempat dimana terletak **World Biggest Prayer Wheel**. **World Biggest Prayer Wheel** ini merupakan mercu tanda ikonik

di **Dukezong**, yang menarik pengunjung dari seluruh dunia. Dari kawasan ini, anda boleh menikmati pemandangan indah bandar kuno, sambil merasai ketenangan dan keindahan alam sempadan Tibet yang menakjubkan.

Setelah selesai lawatan, anda akan daftar masuk ke hotel untuk berehat. Bermalam di **Shangri-La**, sebuah bandar yang terletak di barat laut Yunnan, adalah kawasan yang indah dengan budaya Tibet yang kaya dan suasana pergunungan Himalaya. Dikelilingi pemandangan gunung, padang rumput, dan udara sejuk sepanjang tahun, ia terkenal sebagai "**syurga tersembunyi**". Nama Shangri-La diambil daripada novel James Hilton yang menggambarkan tempat ini sebagai syurga.



First Bay of Yangtze



Tiger Leaping Gorge



Shangri-La

HARI 6: SHANGRI LA – KUNMING (SP/MT/MM)

Selepas daftar keluar dari hotel, lawatan diteruskan dengan melawat **Potatso National Park**, sebuah taman negara yang terkenal dengan keindahan alam semula jadi. Lawatan ini termasuk penggunaan kereta eco (eco-car) untuk menjelajahi kawasan sekitar, memberikan anda peluang untuk menikmati pemandangan yang menakjubkan tanpa menjejaskan alam sekitar.

Seterusnya, lawatan panoramic tour ke **Songzanlin Temple**, yang dikenali sebagai "Kuil Tibet" di **Lijiang** (pemandangan dari luar). Di sini, pengunjung dapat mengagumi seni bina yang unik serta mengambil gambar berlatar belakang kuil ini.

Kemudian, perjalanan diteruskan dengan menaiki kereta api laju menuju ke **Kunming**, yang mengambil masa kira-kira 5 jam. Perjalanan dengan kereta api laju ini bukan sahaja selesai tetapi juga memberikan peluang untuk berehat sambil menikmati pemandangan malam yang indah di sepanjang laluan. Makan malam di dalam kereta api.

Setibanya di **Kunming**, daftar masuk ke hotel dan bermalam.



Potatso National Park



Panoramic Songzanlin Temple



Kereta Api Laju

HARI 7: KUNMING - DONGCHUAN TOUR (SP/MT/MM)

Sarapan pagi di hotel. Lawatan penuh di **Dongchuan** bermula dengan melawat **Red Land Scenic Area**, yang terkenal dengan warna tanahnya yang unik. Dalam kawasan ini, anda akan menerokai beberapa tempat menarik seperti **Splendid Garden** yang dipenuhi dengan pelbagai jenis tanaman dan **Colourful Slope**, satu kawasan dengan corak warna tanah yang unik dan menjadi tumpuan para pelancong untuk bergambar.

Setelah menikmati keindahan alam, kembali ke **Kunming**. Di **Kunming**, anda akan melawat **Yongning Kunming Mosque**. Makan malam disediakan di restoran tempatan. Masa santai di **Jinbi Square** dan **Nanqiang Market**, di mana anda boleh merasai kehidupan malam tempatan dan melihat pelbagai barangan yang dijual.

Makan malam akan disediakan sebelum anda daftar masuk ke hotel untuk bermalam di **Kunming**.



Red Land Scenic Area



Yongning Kunming Mosque



Jinbi Square

HARI 8: STONE FOREST TOUR (SP/MT/MM)

Sarapan pagi. Kemudian teruskan lawatan ke dimulakan dengan perjalanan menuju ke **Shilin**, kawasan yang terkenal dengan keunikan geologi **Stone Forest**. Anda akan menerokai formasi batuan yang menakjubkan dan luar biasa. Lawatan ini termasuk penggunaan kereta elektrik (battery car) untuk memudahkan pengembaraan anda di dalam kawasan yang luas ini, memberikan anda peluang untuk menikmati pemandangan yang menakjubkan tanpa rasa penat. Setelah selesai melawat **Stone Forest**, nikmati makan tengah hari di restoran tempatan.

Kemudian, melawat **Dounan Flower Market**, pasar bunga ini terkenal sebagai salah satu pasar bunga terbesar di **China**, di mana anda boleh melihat pelbagai jenis bunga segar.

Selepas itu, nikmati makan malam sebelum bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.



Stone Forest



Dounan Flower Market



Bandar Kunming

HARI 9: TIBA DI KUALA LUMPUR

Tiba di Kuala Lumpur dengan kenangan indah. Alhamdulillah.

SENARAI PENGINAPAN:

Bandar	Hotel
Kunming	Wanjin Hotel atau setara
Dali	Xinda Hotel atau setara
Lijiang	Manbo Hoating Hotel atau setara
Shangri-La	Shujingmuyun atau setara
Kunming	Xinshengda Hotel atau setara

Jadual perjalanan ini disediakan sebagai panduan dan tertakluk kepada perubahan mengikut keadaan semasa.

Tertakluk kepada terma & syarat.

MYZARRA TRAVEL & SERVICES SDN BHD
 (737897-W) (KPK/LN:7712)
 4-2, JALAN TASIK SELATAN 3, BANDAR TASIK SELATAN, 57000
 CHERAS, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
 TEL: +603 9057 2324 | WHATSAPP: +6019 2277 253
 EMAIL: zarratravel@yahoo.com / sales.myzarra@gmail.com